

27/04/2004

Pak Lah mahu serah Umno teguh

By Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, beliau akan menyerahkan Umno sebagai parti yang kuat kepada penggantinya apabila tiba masanya nanti seperti mana dilakukan oleh Tun Dr Mahathir Mohamad.

Pemangku Presiden Umno itu berkata, doa Dr Mahathir ketika mula memimpin parti pada 1981 iaitu untuk menyerahkan Umno dalam keadaan mantap kepada pengganti, termakbul.

"Allah makbulkan doa Tun dan hasratnya itu tercapai. Umno hari ini adalah parti yang kuat dan dihormati. Buktinya dalam pilihan raya umum lalu, Umno menang banyak kerusi.

"Saya pun mempunyai niat yang sama... bila tiba masanya nanti saya serah kepada pengganti, Umno juga berada dalam keadaan kuat dan kukuh," katanya berucap pada Jamuan Majlis Penghargaan dan Terima Kasih Umno kepada Dr Mahathir di Dewan Tun Razak, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini malam tadi.

Hadir sama Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali; isteri Perdana Menteri, Datin Seri Endon Mahmood; Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak serta isteri, Datin Seri Rosmah Mansor selain semua Naib Presiden dan Ahli Majlis Tertinggi (MT) termasuk Ketua dan Exco Wanita, Pemuda dan Puteri Umno.

Kira-kira 3,500 orang hadir yang mewakili 191 bahagian Umno di seluruh negara, selain wakil parti komponen Barisan Nasional (BN).

Dr Mahathir adalah Presiden Umno kelima dan Perdana Menteri keempat iaitu selama 22 tahun daripada 1981 hingga 31 Oktober tahun lalu.

Jawatan Perdana Menteri itu diserahkan kepada Abdullah dalam peralihan kuasa yang sempurna pada 31 Oktober tahun lalu.

Dr Mahathir menyerahkan parti yang kukuh kepada Abdullah - menepati janji beliau 22 tahun sebelum itu selepas mengambil alih jawatan Presiden parti daripada Tun Hussein Onn yang berbunyi:

"Mudah-mudahan saya akan dapat menyerahkan Umno kepada pemimpin yang akan datang dalam keadaan kukuh dan berpadu seperti mana yang telah saya terima. Inilah doa saya kepada Tuhan Rabbulalamin dan inilah juga yang saya pohon saudara saudari doakan bersama."

Itulah antara kandungan ucapan pertamanya selaku Presiden Umno pada hari terakhir Perhimpunan Agung Umno 1981.

Abdullah berkata, jasa Dr Mahathir kepada Umno dan rakyat Malaysia amat besar sekali sehingga kejayaan itu mengharumkan nama Malaysia pada peringkat antarabangsa.

"Sejak mengambil alih kepemimpinan negara, saya mengambil pendekatan untuk menguruskan kejayaan itu dengan sebaik-baiknya. Inilah pendekatan yang saya gunakan dan ini adalah formula yang digunakan sendiri oleh Dr Mahathir semasa memimpin parti dan negara.

"Sebab itu saya anggap supaya kita menguruskan kejayaan kita dengan sebaik-baiknya, supaya nanti kita jadikan Umno dan kerajaan yang lebih berjaya iaitu gemilang, cemerlang dan terbilang," katanya.

Dr Mahathir dalam ucapan balasnya pula melahirkan rasa terharu atas penghargaan itu.

"Malam ini bagi saya amat bermakna kerana ini kali pertama saya berjumpa begitu ramai pemimpin serta ahli Umno selepas pilihan raya yang gemilang. Tahniah kepada Umno, sebagai parti yang memimpin BN dan kepada Abdullah selaku pemimpin Umno dan BN kerana kemenangan besar," katanya.

Katanya, kemenangan besar itu juga adalah restu kepada peralihan kuasa

dan pemilihan Abdullah sebagai pengganti beliau.

Bekas Perdana Menteri itu berkata, beliau tidak akan campur tangan dalam pemilihan Umno tidak lama lagi dan juga tidak akan campur tangan dalam urusan pentadbiran.

"Saya sedar tak lama lagi kita terpaksa mengadakan pemilihan dalam parti. Saya tak nak bagi apa-apa nasihat dalam pemilihan pemimpin parti kerana saya telah janji kepada diri saya tidak akan campur tangan.

"Tetapi saya yakin ahli dan pemimpin parti bijak dan tahu memelihara parti kerana parti lebih besar walau apa pun pangkat kita. Apa juga tindakan kita, kita mesti utamakan parti," katanya.

Terdahulu, Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakob dalam ucapan aluannya berkata, apabila Dr Mahathir mula menjadi Presiden pada 26 Jun 1981, bilangan ahli Umno cuma seramai 872,796 dengan 114 bahagian dan 5,870 cawangan.

Ketika Dr Mahathir melepaskan jawatan itu pada 31 Oktober lalu, bilangan ahli meningkat lebih tiga kali ganda kepada 2.81 juta ahli dan bahagian meningkat kepada 191 bahagian manakala cawangan pula sebanyak 19,000.

Beliau berkata, semasa Dr Mahathir, Umno melebarkan sayapnya ke Sabah pada 1991 dan penubuhan sayap baru, Puteri Umno pada Ogos 2001 yang kini bilangan ahlinya meningkat kepada 170,738 berbanding 80,000 ketika mula ditubuhkan.

(END)